




## Bagaimana kami memastikan pulangan pelaburan anda berkesan?

Proses Latihan 7 Tabiat dibangunkan dengan kajian yang menyeluruh dan mendalam bagi memastikan setiap pelaburan mempunyai pulangan yang boleh diukur, dan setiap perubahan dapat dilakukan dengan terancang.

*Hubungi kami untuk lebih memahami bagaimana proses ini dapat membantu anda dengan lebih menyeluruh.*

### Proses Latihan 7 Tabiat Signature



#### PENILAIAN

##### Penanda Aras 7 Tabiat

Proses ini merupakan proses yang mengukur keberkesanan individu dan memberikan pendekatan kepada pelan bertindak untuk pembangunan peribadi. Peserta perlu mendapatkan maklumbalas daripada ketua/pengurus, rakan sekerja dan orang bawahan yang dapat menunjukkan kekuatan utama mereka dan perkara-perkara yang perlu mereka perbaiki. Proses penilaian ini akan dilakukan sebanyak 2 kali, iaitu **sebelum** dan **selepas** program (Fasa Penilaian dan Fasa Penilaian Semula).

#### PEMBELAJARAN

Prinsip-prinsip dan kesemua 7 Tabiat akan diajar dalam program selama 3 hari. Sistem pembelajaran ini akan membantu peserta menyerlahkan kesemua potensi diri di tempat kerja dan kehidupan peribadi. Peserta belajar untuk:

- Mengambil inisiatif.
- Menentukan misi, visi dan objektif.
- Menyeimbangkan keutamaan yang terpenting.
- Memperbaiki komunikasi dengan orang lain.
- Mempercepatkan usahasama kreatif.
- Mencapai keseimbangan hidup.
- Tahu dengan jelas apa yang disukainya, kemahirannya dan kecekapannya, dan nilai diri.

#### PELAKSANAAN

**Perjanjian 7 Tabiat** merupakan satu komitmen yang perlu dibuat oleh peserta bagi memastikan perubahan dibuat dengan terancang dan berterusan. Peserta perlu melaksanakannya dengan bantuan mentor yang dipilih sendiri. Perjanjian ini disusun untuk dilaksanakan selama 7 minggu dan bermula selepas program berakhir.

**7 Tabiat Maximizer** merupakan bengkel sehari dengan tujuan sebagai sesi pembaharuan dan ulangkaji. Bengkel ini menggalakkan peserta untuk:

- Menambahkan impak kepada peranan yang mereka pegang sekarang.
- Mendapatkan pengaruh yang lebih besar dalam projek dan inisiatif yang penting.
- Mengukuhkan hubungan di tempat kerja.
- Mencapai keseimbangan kerja dan kehidupan peribadi yang sihat dan berkesan.